

TAJUK: KERAJINAN


Lengkapkan pilihan kepentingan bersikap rajin berdasarkan pernyataan di bawah:

Meningkatkan pendapatan pengusaha kraf tangan dan meluaskan pasaran.


Membuka peluang pekerjaan serta memudahkan rakyat mendapat produk sejuk beku.

Memasarkan produk inovasi yang dihasilkan ke seluruh negara.


1. Encik Ramly merupakan pengusaha produk makanan berasaskan daging lembu, ayam dan hasilan laut berjenama Ramly. Produk makanan sejuk beku beliau dipasarkan ke seluruh negara. Beliau mempunyai dua buah kilang pemprosesan makanan sejuk beku.



2. Puan Azizah merupakan pengusaha kraf tangan berasaskan rotan. Produk kraf tangannya kini mendapat pasaran yang baik di luar negara. Beliau meraih pendapatan yang lumayan hasil daripada eksport produknya ke luar negara.



3. Pasukan Sekolah Kebangsaan Segari telah memenangi pingat emas bagi Anugerah Inovasi Muda kategori sekolah rendah. Anugerah ini diberi sempena dengan Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa. Mereka menghasilkan "Kotak Ajaib" yang menggunakan botol terbuang. Hasil ciptaan itu boleh dipelbagaikan kegunaannya seperti meja dan kerusi.



Lengkapkan rajah berikut berdasarkan situasi:

Mengadakan pameran kraf tangan di luar negara.

Berasa gembira dan bangga.

Daya kreativiti dan kesungguhan.

Menghasilkan pelbagai produk dan memberi pendapatan lumayan kepada pengusaha.

Situasi: Puan Hawa merupakan pengusaha kraf tangan daripada mengkuang. Dia menggunakan kreativiti dan kesungguhannya mempelbagaikan produk kraf tangan. Antaranya dompet, terendak lampu dan lain-lain. Pendapatannya semakin meningkat apabila pelancong asing membeli produk kraf tangan yang dihasilkannya. Dia juga mempunyai pekerja untuk membantu beliau menyiapkan tempahan pelanggan yang semakin meningkat.

1. Sikap rajin yang diamalkan:

2. Kepentingan:

3. Perasaan:

4. Cara meningkatkan imej negara.